

USAS lonjak nilai hartanah setempat

Keputusan kerajaan menaik taraf Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) kepada universiti penuh boleh menyebabkan nilai hartanah di bandar ini melambung tinggi, sekali gus memanfaatkan penduduk setempat.

Rektornya, Tan Sri Nordin Kardi, berkata penduduk berpeluang menyediakan perkhidmatan rumah sewa kepada pelajar dan kakitangan institusi pendidikan itu.

"Daripada 4,000 pelajar, kami hanya mampu menyediakan 1,200 kediaman kepada mereka. Ini tidak termasuk kakitangan yang tiada rumah sendiri.

"Sudah tentu ini menyumbang pendapatan kepada penduduk setempat menerusi penyediaan perkhidmatan rumah sewa seperti di Serdang berikutan kewujudan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Bangi dengan adanya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)," katanya kepada pemberita di kampus KUISAS di sini, semalam.

Nordin mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam, mengenai KUISAS dinaik taraf menjadi universiti penuh dengan geran tahunan Kerajaan Pusat berkuatkuasa serta-merta.

Ia dikenali Universiti Sultan Azlan Shah Malaysia (USAS).

Perluas hasil kraf tangan

Menjadikan KUISAS sebagai universiti adalah antara lima agenda calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Parlimen Kuala Kangsar, Datin Mastura Mohd Yazid.

Nordin berkata, universiti itu juga membuka peluang kepada penyelidik dari negara ini dan peringkat antarabangsa membuat kajian dan mengembangkan hasil kraf tangan penduduk tempatan khususnya tembikar dikenali Labu Sayong yang menjadi antara identiti negeri ini.

Mengenai sumbangan universiti itu terhadap generasi muda, Nordin berkata ia membuka peluang kepada mereka mengikuti pengajian peringkat diploma sehingga Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

"Inilah antara keistimewaan universiti ini (USAS) kepada masyarakat di Parlimen Kuala Kangsar, ia boleh menghidup dan mengembangkan ekonomi, selain akses pendidikan terbaik kepada generasi muda," katanya.



Antara keistimewaan USAS kepada masyarakat

di Parlimen Kuala Kangsar ia boleh hidup dan kembangkan ekonomi, selain akses pendidikan terbaik kepada generasi muda"

Nordin Kardi,
Rektor KUISAS